

44 mangsa banjir di Pasir Puteh dihantar ke dua pusat pemindahan

Gelombang kedua landa Kelantan

Oleh **RODELIO JUNJUN**
TAUCAN dan TOREK SULONG
rodelio.taucan@utusan.com.my

KOTA BHARU 1 Jan. - Gelombang kedua banjir yang berlaku di Pantai Timur turut melanda Kelantan ekoran hujan lebat yang berterusan tanpa henti sejak empat hari lalu.

Banjir yang melanda menyebabkan 44 mangsa dari 12 keluarga di Pasir Puteh terpaksa dipindahkan ke dua pusat pemindahan banjir setakat pukul 6 petang ini, setelah kawasan kediaman mereka ditenggelami air.

Seramai 26 mangsa dari tujuh keluarga dari Kampung Baru dan Kampung Tok Sudin ditempatkan di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kaniil, manakala 18 lagi mangsa dari lima keluarga dari Kampung Gong Keding ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Awang.

Penduduk dari Kampung Tok Sudin yang dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di SMK Kaniil sejak malam tadi mendakwa, perkampungan mereka mudah digenangi air ketika hujan lebat disebabkan aliran air sungai berdekatan tersekat.

Seorang penduduk, **Abdul Aziz Che Hamid** berkata, keadaan sungai yang dipenuhi pokok, sempit dan tertimbus kesan pembinaan jalan menyebabkan kampung itu sering dilanda banjir kilat.

Dia memberitahu, sepanjang tahun lalu, penduduk telah berpindah ke pusat pemindahan banjir seba-



DUA pelajar Sekolah Menengah Agama Mahmudiah, Nur Anati Nadhirah Mohd. Kamal (kiri), 13, dan Wan Nur Nabilah Wan Fauzi, 13, menunggu kedatangan ibu bapa mereka selepas sekolah terpaksa ditutup ekoran banjir di Hulu Terengganu, semalam. - BERNAMA

nyak tiga kali termasuk pada pukul 10 malam tadi apabila air Sungai Limbungan melimpah sehingga 0.9 meter.

"Pada 24 Disember lalu kami telah dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Kaniil (1) dan selepas dua hari pulang ke rumah kami terpaksa dipindahkan semula malam tadi kerana masalah yang sama," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan itu.

Sementara itu, aras air di semua

sungai di negeri ini yang berada dalam keadaan normal beberapa hari lalu kini semakin naik dan berada antara paras berjaga-jaga serta amaran.

Paras air Sungai Golok di Rantau Panjang kini berada pada kedalaman 8.50 meter menghampiri paras bahaya 9 meter dan situasi sama turut berlaku di Sungai Kelantan melalui bacaan di Jambatan Guillemard iaitu 14.30 meter dan Sungai Lebir di Tualang pada kedalaman

31.17 meter.

Bacaan Sungai Golok di Jenopula kini di paras berjaga-jaga iaitu 22.26 meter, begitu juga Sungai Kelantan di Tangga Krai dan Tambatan Diraja iaitu masing-masing 22.34 meter dan 3.20 meter.

Ramalan cuaca daripada Jabatan Meteorologi mendapati hujan lebat di semua daerah di negeri ini akan berterusan sehingga 7 Januari ini dan meminta orang ramai agar berjaga-jaga serta bersiap sedia meng-

hadapi banjir.

Dalam pada itu, Pengarah Pelajaran negeri, **Hussain Awang** ketika dihubungi memaklumkan, bilangan sekolah yang tidak dapat memulakan sesi persekolahan 2013 akibat banjir kekal lima buah iaitu empat di Tumpat dan sebuah di Pasir Mas.

Sekolah terlibat ialah Sekolah Rendah (SK) Simpangan membabitkan seramai 287 murid, SK Bendang Pak Yong (470 murid), SK Telok Jering (415 murid), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Nurul Huda (205 murid) dan SABK Diniyah Kampung Bongor membabitkan 50 orang murid.

"Pihak jabatan sentiasa memantau keadaan sekolah terbabit dan akan memaklumkan perkembangan dari semasa ke semasa," katanya.

Di **TERENGGANU**, penduduk di beberapa daerah di negeri ini menyambut kedatangan tahun baru hari ini dengan kehadiran gelombang kedua banjir yang bermula semalam namun hujan agak reda dan tidak memburukkan keadaan.

Walaupun hari pertama persekolahan menyaksikan sebanyak 31 buah sekolah terpaksa ditutup namun jumlah mangsa yang ditempatkan di beberapa pusat pemindahan turun dengan mendadak pada lewat petang ini.

Menurut jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri, hanya lima buah pusat pemindahan masih dibuka iaitu masing-masing tiga di Hulu Terengganu dan dua di Besut dengan jumlah mangsa seramai 106 orang daripada 23 keluarga.